

08 JUN 2001

MAHATHIR-RINGGIT (Bergambar)

KADAR MATAWANG RINGGIT MUNGKIN DITUKAR BERGANTUNG MATAWANG LAIN

Oleh: Jamaluddin Muhammad

TOKYO, 8 Jun (Bernama) -- Malaysia mungkin menimbang untuk menukar kadar tukaran ringgit sekiranya matawang para pesaingnya merosot atau meningkat sebanyak 20 peratus dan terus kekal di paras itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata Malaysia merupakan sebuah negara pembuatan dan 82 peratus daripada eksportnya mencakupi barangan perkilangan yang diperbuat daripada komponen yang diimport dan kadang kala kandungannya sehingga 50 peratus.

"Apabila kita menurunkan nilai ringgit, kos import dalam bentuk ringgit akan meningkat. Jadi kita tidak memperolehi apa-apa kerana import akan menjadi mahal disebabkan oleh keperluan untuk mengimport komponen itu," kata beliau.

Dr Mahathir berkata pada masa yang sama keuntungan akan menjadi lebih kecil kerana orang akan meminta upah yang lebih setelah import barangan dan makanan dalam bentuk ringgit akan meningkat.

"Apabila mereka meminta upah yang tinggi, ia akan menghapuskan semua keuntungan yang kita perolehi daripada penurunan nilai," kata Dr Mahathir yang juga pemangku Menteri Kewangan.

Dengan itu, beliau berkata, Malaysia berhati-hati mengkaji kesan penurunan nilai atau membuat penilaian semula matawangnya.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan peserta selepas menyampaikan ucapan bertajuk "Melampaui Globalisme dan Globalisasi" di persidangan antarabangsa ke-7 mengenai masa depan asia, di sini.

Persidangan tahunan itu dianjurkan oleh kumpulan media Jepun, Nihon Keizei Shimbun, dan dihadiri oleh antara lain ahli akademik dan wartawan.

Mahathir juga berkata bahawa Malaysia tidak mempunyai masalah dalam mengeksport produknya disebabkan oleh penyusutan Yen dan rupiah Indonesia sekarang. -- BERNAMA

JM SD NHD JR